

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : BISNES

KPJ Healthcare, Mayo Clinic jalin kerjasama strategik

Hospital pertama di Malaysia manfaat kepakaran peringkat global

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Noor Atiqah Sulaiman
bbbiz@nstp.com.my

KPJ Healthcare Bhd menjalin kerjasama strategik dengan Mayo Clinic, yang dinobatkan hospital terbaik di dunia pada 2023 dari Amerika Syarikat (AS).

Kerjasama itu dicapai menerusi penyertaan Hospital Pakar KPJ Damansara (KPJ DSH) dan Hospital Pakar Damansara 2 (DSH2) sebagai keahlian dalam Mayo Clinic Care Network.

Penyertaan itu juga menjadikan KPJ Healthcare sebagai rangkaian hospital pertama dan satu-satunya di Malaysia yang disenaraikan sebagai ahli Mayo Clinic Care Network.

Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyuan, berkata kerjasama itu jelas menunjukkan komitmen kumpulan itu untuk memanfaatkan kepakaran pada peringkat global bagi memacu kecemerlangan perubatan dan inovasi penjagaan pesakit, sekali gus menetapkan piawaian baharu dalam landskap sektor penjagaan kesihatan di negara ini.

"Hari ini mencatatkan satu



Dr Dzulkefly bersama Syed Mohamed (kiri), Keat Chyuan, Rizza dan Md Arif (kanan) pada majlis pemeteraian kerjasama strategik di antara KPJ Healthcare dan Mayo Clinic di Petaling Jaya, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

lagi detik bersejarah bagi KPJ Healthcare apabila diiktiraf sebagai penyedia penjagaan kesihatan pertama dan satu-satunya di Malaysia yang menjadi ahli Mayo Clinic Care Network, melalui dua rangkaian hospital kami iaitu KPJ DSH dan DSH 2.

"Pencapaian ini adalah satu anjakan besar bagi kami dalam menerajui kecemerlangan perubatan kerana kami sentiasa berusaha untuk meneroka pendekatan yang inovatif demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeteraian kerjasama strategik di antara KPJ Healthcare dengan Mayo Clinic di Petaling Jaya, semalam.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation Bhd (JCorp), Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim; Pengarah Perubatan Eksekutif Mayo Clinic Bahagian Amalan Antarabangsa dan Asia Pasifik, Dr Stacey Rizza dan Pengerusi KPJ Healthcare, Datuk Md Arif Mahmood.

Manfaat Sumber klinikal

Keahlian dalam Mayo Clinic Care Network memberikan akses penuh kepada KPJ DSH dan DSH2 untuk memanfaatkan sumber klinikal dan perkhidmatan Mayo Clinic yang berteknologi tinggi, termasuk penjagaan perubatan dan pembangunan profesional.

Mengulas lanjut, Keat Chyuan berkata, KPJ Healthcare berhasrat memanfaatkan pengalaman, sumber dan amalan terbaik Mayo Clinic dalam meningkatkan ke-

pakaran dan kemahiran pengamal perubatan mereka.

"Kami yakin strategi ini bukan sahaja hanya akan meningkatkan hasil dan kualiti rawatan pesakit, seiring dengan slogan *Care for Life* kami, bahkan turut menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Sementara itu, Rizza berkata, pihaknya amat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran KPJ DSH dan DSH 2 sebagai ahli Mayo Clinic Care Network.

"Organisasi kami turut berkongsi komitmen yang sama dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti yang memberi tumpuan khusus kepada setiap pesakit.

"Kami tidak sabar untuk berkerjasama dengan KPJ Healthcare dalam memperkasakan perkhidmatan penjagaan kesihatan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA



Kata Editor

Oleh ADHAM SHADAN
PENGARANG RENCANA

Jangan sampai ada tercekik dawai kokot

PENULIS terpelempar kala melihat poster larangan penggunaan dawai kokot dalam penyediaan makanan yang dikongsikan seorang ahli keluarga di grup WhatsApp minggu ini. Mana tidaknya, beberapa hari sebelum itu penulis sendiri berdepan insiden tersebut semasa membeli makanan. Macam tahu-tahu pula ya.

Bila diamati, rupa-rupanya poster terbaharu itu dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan. Penulis kurang pasti pula kalau isu ini tiba-tiba jadi hangat semula kerana ada kes-kes terkini dilaporkan. Apa yang pasti perkara itu memang mendapat perhatian kerana telah dikongsikan ramai dan agensi berita Bernama turut mengeluarkan infografik mengenainya kelmarin.

Mungkin juga kerana 'musim bazar Ramadan' akan menjelang tidak lama lagi. Sebagai peringatan barang kali.

Mengimbuai kejadian beberapa hari lalu, penulis yang tinggal di Cheras, Kuala Lumpur membuat pesanan nasi kerabu menerusi satu platform online. Bila sampai, didapati nasi kerabu itu didatangkan dengan ramuannya seperti ulaman, kuah dan sambal kelapa parut diasingkan dengan peket plastik yang 'distapler' sekali.

Mungkin peniaga itu fikir cara itu lebih kemas, sebaliknya pengguna yang cuak. Nak dijadikan cerita, semasa meleraikari dawai kokot itu, tiba-tiba ia termasuk ke dalam peket yang mengandungi ulaman.

Memang susah untuk ditemui semula kerana sayuran seperti kubis, bunga kantan dan lain-lain itu sudah dihiris nipis, memang lebih kurang sama dengan dawai dan sangat membahayakan.

Penyudahnya memang tak disentuh bahagian ulaman tersebut setelah mata berpinar mencari dawai kokot yang 'lesap' dalam hirisan halus sayur.

Penulis tidak tahu sama ada peniaga itu tahu atau tidak bahawa perbuatan tersebut sebenarnya satu kesalahan undang-undang yang boleh didenda sehingga RM100,000 atau sengaja ingkar.

Pada tahun 2022, ekoran tular pembungkusan makanan menggunakan paku, bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah memberi amaran kepada para peniaga bahawa penggunaan bahan seperti paku dan dawai kokot untuk membungkus makanan boleh menyebabkan kecederaan serius jika termasuk dalam makanan dan ditelan.

Beliau menyatakan perbuatan itu menyalahi undang-undang mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 yang boleh dikenakan denda tidak lebih RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya.

Bahkan hukuman lebih berat boleh dikenakan sekiranya bahan itu ditemui dalam makanan mengikut Akta Makanan 1983. Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penulis harap agar para peniaga menghentikan segera pembungkusan atau penyediaan makanan menggunakan dawai kokot. Jika tertelan, ia boleh mencederakan saluran makanan, tekak tercalar sehingga bernanah, batuk berterusan dan macam-macam lagi mudarat menanti.

Pengguna tidak mahukan 'zat-zat besi' yang membahayakan ini dalam makanan dan peniaga juga pasti pedih menerima kenyataan didenda atau dihumban ke penjara gara-gara stapler.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Peniaga platform e-dagang takut, henti bisnes

Tiada lagi penjualan produk *energy stick*

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

PETALING JAYA – Penjualan produk penyedut hidung atau dikenali *energy stick* yang sebelum ini menjadi pertikaian dalam kalangan masyarakat selain mendapat perhatian serius pihak berkuasa yang bimbang akan kesannya kini dilihat semakin sepi.

Hasil tinjauan *Kosmo!* di platform e-dagang mendapati, tiada lagi iklan berkaitan jualan *energy stick* dipromosikan kepada pengguna sama ada jualan dari dalam atau luar negara.


Malah, hasil carian juga mendapati tiada lagi penggunaan nama *energy stick*.

Jika sebelum ini beberapa platform e-dagang rancang mempromosikan produk tersebut dengan menggunakan 'tagline' 'Hisap dahulu, baru ke sekolah', 'Hisap-hisap anda lega, hisap-hisap anda bertenaga' dan 'Ambil masa untuk rehat, sedut dan cergas ke sekolah' bagi menarik minat pengguna.

Produk yang dijual serendah RM2.50 sehingga RM10 seunit itu dikatakan mampu memberi kelegaan serta membantu meningkatkan tenaga selain berkesan dalam merawat masalah selesema dan resdung.

Namun, selepas barangan itu menjadi perhatian Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Komunikasi, para penjual *energy stick* dilihat mula 'menghilangkan diri' dipercayai kerana bimbang ditahan ekoran menjual produk larangan.

Bagaimanapun, semakan *Kosmo!* di medium media sosial



ENERGY STICK bersaiz seperti pemetik api dijual dengan pelbagai perisa pada harga serendah RM2.50 hingga RM10 seunit sebelum ini.



KERATAN Kosmo! 5 Februari 2024.

yang lain, masih terdapat beberapa peniaga yang menjual penyedut hidung tersebut, namun tidak seaktif sebelum ini dengan kurang dari lima produk terjual sehari.

Malah, ia juga hanya dijual dari pembekal luar negara sahaja.

Terdahulu, Ketua Pengarah

Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, *energy stick* adalah produk yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) seperti peruntukan undang-undang di bawah Akta Jualan Dadah 1952.

Katanya, penjualan produk kesihatan yang tidak berdaftar adalah melanggar Peraturan 7(1) (a), Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 serta boleh didenda sehingga RM50,000.

Sehubungan itu, Muhammad Radzi berkata, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan akan dijalankan ke atas penjual yang dikesan menjual produk tersebut.



ANGGOTA bomba memeriksa kebocoran gas ammonia di salah sebuah kilang di Shah Alam semalam.

10 pekerja kilang dikejarkan ke hospital, hidu gas ammonia bocor

SHAH ALAM – Seramai 10 pekerja di dua buah kilang di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Seksyen 7, di sini, dikejarkan ke hospital selepas terhidu gas ammonia yang bocor di salah satu daripada premis itu semalam.

Kejadian kira-kira pukul 11 pagi itu melibatkan mangsa warga tempatan masing-masing lapan wanita dan dua lelaki berusia 20 hingga 30-an.

Kesemua mangsa bagaimanapun dilaporkan stabil selepas menerima rawatan oksigen.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Ahmad Mukhlis Mokhtar berkata, sepasukan lapan anggota termasuk pegawai dan sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Shah Alam bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pukul 11.15 pagi.

"Kebocoran gas tersebut daripada injap tangki penyimpanan gas ammonia.

"Kesemua mangsa terdiri daripada sembilan pekerja kilang

yang mengalami kebocoran, manakala seorang lagi adalah pekerja kilang bersebelahan," katanya ketika dihubungi semalam.

Tambah Ahmad Mukhlis, kerja-kerja bagi menutup injap bocor itu sedang giat dilakukan Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT).

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd. Iqbal Ibrahim berkata, kesemua mangsa yang dihantar ke Hospital Shah Alam dilaporkan dalam keadaan stabil.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA



ANGGOTA penguat kuasa JKNT mengeluarkan kompaun terhadap individu yang merokok di tempat awam di Batu Buruk, Kuala Terengganu semalam.

5,000 notis dikeluarkan kepada perokok degil

'Kompaun lebih RM1j, tak sampai dua bulan'

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

KUALA TERENGGANU – Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) telah mengeluarkan lebih 5,000 notis atas kesalahan merokok di tempat awam dengan kompaun lebih RM1 juta melalui Ops Gomo Asap yang dilaksanakan sejak awal tahun ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, semua kesalahan itu dikesan menerusi 1,547 operasi dilaksanakan di lapan daerah di negeri ini.

Beliau berkata, lebih 60 peratus atau 3,022 notis kesalahan

itu dikeluarkan di tempat makan yang telah diwartakan sebagai tempat larangan merokok.

"Selain itu, sebanyak 1,805 notis pula dikeluarkan di sekitar Pantai Batu Buruk yang telah diwartakan sebagai kawasan TBAR (Terengganu Bebas Asap Rokok).

"Operasi ini dijalankan oleh 321 pegawai penguat kuasa JKNT di seluruh Terengganu termasuk di pejabat-pejabat kerajaan dan hentian rehat dan rawat (R&R) sepanjang Lebuhraya Pantai Timur," katanya di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Dr. Kasemani mengakui kecewa

masih ramai tidak mengendahkan larangan merokok meskipun terdapat banyak papan tanda penguatkuasaan peraturan tersebut dipasang di negeri ini.

Beliau menjelaskan penguatkuasaan tersebut bertujuan melindungi golongan majoriti bukan perokok daripada bahaya asap rokok pasif khususnya dalam kalangan golongan tua, ibu mengandung, kanak-kanak dan bayi.

"JKNT tetap akan meneruskan Ops Gomo Asap dan meningkatkan aktiviti kempen kesedaran mengenai bahayanya terhadap kesihatan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 36
RUANGAN : DALAM NEGERI

5,000 notis, kompaun RM1j merokok di tempat awam

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamula.com.my


KUALA TERENGGANU: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu mengeluarkan lebih 5,000 notis kesalahan merokok di tempat awam dengan kompaun lebih RM1 juta melalui Ops Gomo Asap yang dilaksanakan sejak awal Januari 2023.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, semua kesalahan itu dikesan melalui 1,547 operasi yang dilaksanakan di lapan daerah sepanjang tempoh tersebut.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 3,022 notis kesalahan dikeluarkan di tempat makan yang diwartakan sebagai tempat larangan merokok.

"Selain itu, sebanyak 1,805 notis pula dikeluarkan di sekitar kawasan Batu Buruk yang diwartakan sebagai kawasan TBAR (Terengganu Bebas Asap Rokok).

"Operasi ini dijalankan oleh 321 pegawai penguat kuasa JKNT di seluruh Terengganu termasuk di pejabat-pejabat



PEGAWAI penguatkuasa JKNT mengeluarkan notis kesalahan merokok sempena Ops Gomo Asap di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

kerajaan dan hentian rehat dan rawat (R&R) sepanjang Lebuhraya Pantai Timur," katanya ketika ditemui di sini,

semalam.

Lebih mengecewakan, Kasemani berkata, masih ramai tidak mengendahkan larangan

merokok meskipun terdapat banyak papan tanda mengenai penguatkuasaan peraturan tersebut.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

'Make dengue vaccine affordable'

Expert: Asia bears bulk of global burden and prices must be within reach

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Qdenga dengue vaccine must be reasonably priced and be easily accessible to Malaysians given the high burden of the disease in Asia, says virologist Emeritus Prof Datuk Dr Lam Sai Kit.

Citing the World Health Organisation (WHO), he said Asia bears 70% of the global dengue burden.

"Globally, an estimated 3.9 billion people, about half the world's population, are at risk of dengue, and now it is endemic in more than 125 countries," said the research consultant at Universiti Malaya and senior fellow at the

Academy of Sciences Malaysia.

Scientists have warned that climate change will likely hasten the spread of the mosquito species that carries the virus, he said, adding that the potential market for the vaccine is huge.

"In developing countries in Asia, where the need is the greatest, the pricing of the vaccine will affect its usage. To have a meaningful impact on public health, there should be enough people vaccinated so that there is adequate herd immunity to reduce spread.

"There is no point in having a vaccine that is priced beyond reach of those who are the most vulnerable to this life-threatening disease.

"Fortunately, Takeda Pharma-

ceutical is well aware of this problem, and has considered providing the Qdenga vaccine at a steep discount in emerging markets in developing countries," he said.

It was reported in March last year that Takeda would sell the vaccine at a discounted rate in emerging markets at a one-third discount of its European pricing.

The vaccine is approved for use in Indonesia where it is priced at US\$80 for a course of two shots.

"To be fair to the company, developing a vaccine such as Qdenga is very costly and it needs to recover the cost.

"Demand for the Qdenga vaccine in Malaysia will be low and only for those who can afford it initially. It is hoped that the government can subsidise the cost to

make the vaccine more affordable and accessible.

"Eventually, it is hoped that the most vulnerable group such as children aged four and above be given free vaccination. If the demand for the vaccine is high and sustainable, the cost can be negotiated and brought down," he said.

Universiti Kebangsaan Malaysia's community health expert Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said the vaccine should be administered to individuals aged four and above as per the recommendations of the Health Ministry's and WHO's Strategic Advisory Group of Experts (SAGE) on Immunisation.

"This is due to a phenomenon called 'antibody-dependent enhancement' that can increase

risk of severe dengue among people who have not been (previously) infected with dengue," she said.

This differs from the Dengvaxia vaccine, which is only recommended to people who were previously infected with the dengue virus.

She said trials have shown that Qdenga was effective in preventing severe cases.

"The TIDES exploratory analyses showed that throughout the 4.5-year study follow-up, it prevented 84% of hospitalised dengue cases and 61% of symptomatic dengue cases in the overall population, including both seropositive (dengue antibodies found in blood) and seronegative individuals," she added.